



Pemeriksaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) harus menjadi keutamaan di negara ini. Lebih ramai anak muda perlu digalakkan menerokai bidang ini”

Mohd Noraiman Mohd Fadzil,
 Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains (Kesehatan Persekitaran dan Pekerjaan) UPM

Siap siaga tempuh cabaran era baharu

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
 meor.ahmad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mahasiswa perlu siap siaga menempuh cabaran era baharu Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0), termasuk dalam aspek pembelajaran, kokurikulum dan pasaran kerjaya.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains (Kesehatan Persekitaran dan Pekerjaan), Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Noraiman Mohd Fadzil, berkata kesedaran dan usaha itu penting berikutan wujud kebimbangan bahawa kemajuan pesat teknologi mungkin akan menyukarkan lagi

graduan memperoleh pekerjaan pada masa depan.

Katanya, ini kerana pekerjaan dilakukan manusia ketika ini berkemungkinan diambil alih oleh penggunaan teknologi kejuruteraan atau robot.

Perkasakan TVET

Menurut Laporan The Future of Jobs oleh World Economic Forum pula, beliau berkata, sebanyak 65 peratus pelajar akan menceburi bidang kerjaya yang masih belum wujud kini apabila memasuki alam pekerjaan kelak.

“Sehubungan itu, kerajaan terutama melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi, perlu memperkasakan sistem pendidikan negara ke arah bertaraf

global, bukan lagi berasaskan peperiksaan,” katanya.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Muhammad Ammar Rafiq Ruslan, pula berkata pelajar juga perlu bersedia menjalani sistem pendidikan baharu yang lebih canggih.

Pada masa depan, beliau berkata, pensyarah berkemungkinan mengajar melalui platform siber berbanding pendekatan kuliah ketika ini.

Produktiviti berkualiti

“Cabaran ini meliputi keperluan peralatan agak mahal seperti telefon lebih canggih yang dilengkapi teknologi terkini. Namun, umum mengetahui masih ada mahasiswa

daripada keluarga berpendapatan rendah.

“Maka, perkara ini akan menjadi antara cabaran perlu dihadapi mahasiswa dalam mengikuti pembelajaran dan kokurikulum era Industri 4.0,” katanya.

Sementara itu Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Muhamad Azam Supian, berkata mahasiswa perlu bijak mencari peluang dan mencorakkan masa depan sendiri.

“Mahasiswa perlu menguasai kemahiran dan memiliki kapasiti bersesuaian teknologi masa depan supaya dapat meraih peluang pekerjaan serta menjana produktiviti berkualiti untuk ekonomi negara,” katanya.

[FOTO HIASAN



Universiti disaran mempergiat penganjuran pertandingan robotik bagi menggalakkan mahasiswa menghasilkan pelbagai inovasi berciri masa depan.